

# KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 DISEMBER, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Terima kasih

## dos penggalak demi kesihatan rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & CHAN KOK KUAN**

**PANTAI JEREJAK** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bersama-sama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) komited dalam mempercepatkan suntikan dos penggalak demi keselamatan dan kesihatan rakyat negeri ini secara keseluruhan.

Malah, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa semua pihak yang terlibat dalam program berkaitan di negeri ini perlu terus mencari ikhtiar terbaik bagi memastikan vaksinasi golongan remaja mencapai sasaran ditetapkan.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut memberitahu bahawa cabaran terbaru kini adalah program pemberian suntikan dos penggalak *(booster)* yang mana secara rasminya telah bermula pada 18 Oktober 2021 berjalan lancar di Pulau Pinang.

"Bersama-sama kita doakan semoga semuanya berjalan lancar dan prosesnya dapat disegerakan demi keselamatan kita, orang tersayang dan juga komuniti kita di negeri tercinta ini," jelasnya semasa mengadakan lawatan sebagai simbolik penutupan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) SPICE Arena di sini dan SP Arena dekat Seberang Jaya pada 31 Oktober 2021.

Hadir sama, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh; Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Dr. Ma'arof Sudin dan lain-lain jemputan khas.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan jemputan khas pada upacara simbolik penutupan PPV di SPICE Arena, PPV Vangohh Eminent dan SP Arena.

Selain itu, Kon Yeow juga berharap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) terus menjadi keutamaan sungguhpun semua pihak telah lengkap menerima dua dos vaksin.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut merakamkan penghargaan kepada semua petugas yang terlibat dalam pengoperasian di semua PPV negeri ini.

Tidak dilupakan, menurut beliau adalah semua yang terlibat dalam penubuhan dan pengoperasian kira-kira 50 PPV meliputi PPV Awam, PPV Mega, PPV Integrasi, PPV Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS), PPV pertubuhan bukan kerajaan (NGO), klinik swasta dan juga hospital swasta.

"Bukan mudah, namun kita berjaya melakukannya! Kita telah berjaya memastikan 1.5 juta rakyat serta penduduk Pulau Pinang lengkap divaksinasi, syabas kepada semua," tegasnya.

Difahamkan, bermula 15 Oktober 2021, pengoperasian pengurusan vaksinasi COVID-19 beralih tangan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan hanya 10 PPV awam sahaja beroperasi bagi menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Remaja atau singkatnya PICK-Remaja.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pada 31 Oktober 2021, kesemua 10 PPV tersebut akan ditutup operasinya.

Tambah beliau, janji temu bagi suntikan dos penggalak telah mula diberikan kepada mereka yang layak menerusi aplikasi MySejahtera, yang mana melibatkan klinik swasta serta hospital swasta seluruh negeri ini.

"Keutamaan adalah diberikan kepada barisan hadapan kesihatan serta kumpulan berisiko iaitu warga emas berusia 60 tahun dan ke atas.

"Malah, Kerajaan Negeri atas usaha bersama JKNPP komited dalam mempercepatkan suntikan dos penggalak, dan pemantauan rapi terhadap keberkesanan dos penggalak yang dilaksanakan bagi memastikan tidak berlakunya laporan kes terutamanya membabitkan kemasukan ke hospital secara mendadak berbanding kini," ulasnya.

**MAJLIS PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE-72 TYT NEGERI PULAU PINANG.**

# TYT puji pimpinan pastikan kelangsungan Negeri terpelihara kala pandemik



TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (tiga dari kiri) menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormatan Rejimen Ketiga Kor Armor Diraja bersempena Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-72 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Komitmen berterusan yang dizahirkan oleh barisan kepimpinan negeri, para pegawai, penjawat awam serta rakyat dipuji oleh Yang di-Pertua Negeri Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Pujian tersebut dilafazkan oleh Ahmad Fuzi ketika menyampaikan ucaptama pada Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-72 di Dewan Sri Pinang, dekat sini pada 1 November 2021.

Beliau percaya bahawa Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan seluruh jentera pentadbiran telah melaksanakan tanggungjawab serta komitmen terbaik bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan Negeri berfungsi khususnya dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) kini.

"Saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada pimpinan Ketua Menteri kerana dapat mentadbir Kerajaan Negeri dengan cemerlang walaupun negara dan negeri Pulau Pinang sedang diuji dengan pandemik COVID-19.

"Semua ini tidak dapat dicapai tanpa komitmen berterusan yang dizahirkan oleh barisan kepimpinan negeri, pegawai-pegawai, penjawat awam serta rakyat dalam membangunkan negeri melalui pelbagai strategi demi mengembalikan kesejahteraan hidup seiring dengan usaha meningkatkan semula pertumbuhan ekonomi dan kesihatan awam.

"Meskipun Pulau Pinang kini telah beralih ke PPN Fasa Tiga (3) dan sempadan negeri dibuka semula, tidak bermakna kita telah berjaya melawan pandemik COVID-19.

"Oleh yang demikian, saya ingin mengingatkan rakyat supaya tidak lalai serta leka meskipun telah mendapat suntikan vaksin.

"Terus mematuhi amalan normal baharu serta prosedur operasi standard (SOP) demi mengawal wabak daripada terus merebak. Kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan segala usaha menangani wabak ini berjaya dilaksanakan secara menyeluruh," ujar Ahmad Fuzi.



KETUA Menteri dan isteri di Balai Istiadat.

Dalam ucaptama itu juga, beliau menzahirkan kesyukuran atas semangat perpaduan dan keprihatinan dalam kalangan rakyat yang diserlahkan demi membantu pihak-pihak memerlukan.

"Semoga nikmat perpaduan serta harmoni di negeri ini dikecapi secara berterusan sekali gus mengukuhkan asas yang mencorakkan kedamaian dan kemakmuran bersama.

"Saya amat berharap agar Pulau Pinang terus membangun dan mencapai Visi Penang2030 ke arah menjadi sebuah 'Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara'.

'Semoga kepimpinan barisan pemimpin dan pentadbir negeri terus menjadi penggerak dan peneraju perubahan yang bermanfaat dan bermakna kepada rakyat Pulau Pinang," katanya.

Ahmad Fuzi dalam pada itu turut menzahirkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada seluruh rakyat yang telah menjalankan tanggungjawab dengan menerima suntikan vaksin sebagai ikhtiar melindungi diri, keluarga dan masyarakat.

Malah, beliau yakin dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, ia dapat mengembalikan semula Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan utama termasuk Pakej Bantuan Rakyat berjumlah RM176.45 juta yang disalurkan kepada pihak terkesan akibat pandemik.

"Saya berharap Kerajaan Negeri akan terus memperkukuhkan prinsip urus tadbir yang baik serta efisien dengan sebarang keputusan dasar perancangan pembangunan berpaksikan kepada keadilan dan mengambil kira keperluan rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan kaum serta fahaman politik.

"Kemodenan dan kemajuan yang dikecapi tidak akan membawa erti sekiranya rakyat dibelenggu kesusahan dan dihimpit peningkatan kos sara hidup yang tinggi," tegasnya.

Pada kesempatan itu juga, Ahmad Fuzi turut menzahirkan penghargaan kepada anggota barisan hadapan dalam mempertahankan negeri demi kestabilan dan ketenteraman awam lebih-lebih lagi semasa perjuangan menentang penularan pandemik COVID-19.

Terdahulu, Ahmad Fuzi berkenan menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormatan Rejimen Ketiga Kor Armor Diraja yang terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat serta diketuai oleh Mejar Amir Ilhan Mohd.Yusof.

Mengiringi istiadat kawalan kehormatan adalah Pancaragam Pusat, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di bawah pimpinan Mejar Mohd. Rizal Mohd. Noor serta disusuli dengan 17 das tembakan meriam oleh 41 Bateri, Rejimen Artileri DiRaja, Kem Sungai Buloh, Selangor dan diketuai oleh Leftenan Kolonel Muhammad Asri Che Wil.

**MAJLIS PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE-72 TYT NEGERI PULAU PINANG.**

# Agenda pembangunan negeri berteraskan Visi Penang2030 diteruskan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan agenda pembangunan negeri berteraskan Visi Penang2030 iaitu ke arah menjadi 'Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara'.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa cabaran utama yang perlu diharungi kini adalah untuk memastikan pembangunan negeri berada pada landasan yang betul.

"Impak (pandemik COVID-19) kepada (segmen) pekerjaan, pendapatan dan sosial masyarakat adalah lebih mencabar berbanding tahun-tahun sebelumnya yang mana rakyat mengharapkan penyelesaian dalam tempoh masa singkat.

"Pulau Pinang kini telah memasuki Fasa Tiga (3) Pelan Pemulihan Negara (PPN), bermakna lebih banyak sektor ekonomi dibenarkan beroperasi selaras dengan kebenaran pergerakan merentas negeri.

"Dalam mendepani cabaran ini, penglibatan semua anggota masyarakat adalah penting, dari pimpinan Kerajaan Negeri, penjawat awam, pemain industri...semua perlu berganding bahu dan mengambil tanggungjawab membantu antara satu sama lain," ujarnya pada Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-72 Yang di-Pertua Negeri Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak di Dewan Sri Pinang, dekat sini pada 1 November 2021.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat melalui pemberian Pakej Bantuan Khas melibatkan perbelanjaan berjumlah RM176.45 juta.

Selain itu, tambah beliau, Kerajaan Negeri juga telah mengedarkan pek bekalan makanan sebagai tambahan supaya bekalan makanan tidak terputus dengan kos sebanyak RM540,000 dan RM400,000 bagi pembelian 40,000 kit ujian kendiri.

"Malah, program saringan komuniti secara percuma, Penang Saring COVID-19 (PSC19) yang diadakan di 44 lokasi di seluruh negeri telah berjaya membantu mengawal penularan pandemik sekali gus meningkatkan kesedaran rakyat untuk menjalani ujian saringan secara berkala.



**ISTERI kepada Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee (dua dari kiri) memberi salam hormat kepada TYT (kanan sekali) dan Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah Mohd. Nor (berbaju kurung biru) ketika tiba di Dewan Sri Pinang di sini. Turut bersama ialah isteri kepada Speaker Dewan Undangan Negeri, Datin Teoh Hooi Tuang (kiri sekali).**

"Inisiatif terbaharu adalah kolaborasi dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO), para pemain industri utama serta profesional membentuk *PgCare Alliance* yang bertujuan memberi sokongan dan bantuan kepada golongan terjejas akibat pandemik.

"Tidak ketinggalan, Kerajaan Negeri juga komited menerajui industri ekonomi digital dengan menarik kemasukan pelaburan baru sekali gus mewujudkan lebih 12,000 pekerjaan bernilai tinggi,'' jelasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa kepada golongan usahawan mikro, kecil dan sederhana yang dikategorikan sebagai sektor *'non-essential'*, Kerajaan Negeri menyediakan RM5 juta dalam bentuk pinjaman bagi tempoh 30 bulan dengan moratorium untuk enam bulan pertama dan RM1 juta untuk *Penang Halal International* melalui *'Marketplace Digital Commerce'*.

"Bagi sektor pelancongan, Kerajaan Negeri melancarkan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang 2021 - 2030 yang bakal mendorong pertumbuhan sektor pelancongan negeri.

"Tidak terhenti setakat itu, Kerajaan Negeri juga komited memartabatkan agama Islam dengan menyediakan tempat ibadat yang mencukupi dan selesa kepada penganut agama Islam di negeri ini.

"Begitu juga dalam aspek perumahan yang mana Kerajaan Negeri menyasarkan untuk menyediakan 220,000 rumah mampu milik pelbagai kategori termasuk menyediakan kemudahan sewa beli kepada kelompok yang sukar mendapatkan pembiayaan.

"Manakala, 'Best! Anak Penang' iaitu Skim Insentif Kecemerlangan Bakat Muda Pulau Pinang ditubuhkan sebagai lambang keprihatinan dan penghargaan belia yang berjaya mengharumkan nama negeri melalui pencapaian akademik dan aktiviti kokurikulum,'' ulasnya.

Kon Yeow memberitahu bahawa pihak pimpinan Kerajaan Negeri turut memperbaharui ikrar taat setia kepada TYT Tun, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Perlembagaan Malaysia dan Negeri.

"Saya bersama-sama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan semua anggota perkhidmatan awam akan terus menggembleng usaha serta tenaga untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh semangat dan tekad bagi menjamin kemakmuran, keselamatan dan kebahagiaan rakyat Pulau Pinang dan negara Malaysia," lafaznya.




**PASUKAN Rejimen Ketiga Kor Armor Diraja yang terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat serta diketuai oleh Mejar Amir Ilhan Mohd.Yusof.**

**MAJLIS PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE-72 TYT NEGERI PULAU PINANG.**

# Motivasi terus berkhidmat

**MAJLIS** Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri yang diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-72 Yang di-Pertua Negeri Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak di Dewan Sri Pinang baru-baru ini menyaksikan seramai 1,036 individu menerima kurniaan dalam istiadat yang diadakan selama lima hari.

Penerima tunggal darjah tertinggi negeri iaitu Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN) dianugerahkan kepada Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah Mohd. Nor.

Seramai dua individu dikurniakan Darjah Panglima Pangkuan Negeri (DPPN) dan 15 individu menerima Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) yang membawa gelaran 'Dato' Seri'.

Manakala 14 penerima Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN); Darjah Setia Pangkuan Negeri, DSPN (116); Darjah Johan Negeri, DJN (66); Bintang Cemerlang Negeri, BCN (42); Pingat Kelakuan Terpuji, PKT (195); Pingat Jasa Kebaktian, PJK (287); Pingat Jasa Masyarakat, PJM (274) dan Pingat Bakti Setia, PBS (24).

Berikut antara penerima yang sempat ditemu bual;

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, **AZRUL MAHATHIR AZIZ** menzahirkan rasa syukur dan penghargaan atas kurniaan Darjah Johan Negeri (DJN).

"Setelah hampir enam tahun berkhidmat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas iaitu sejak menyandang jawatan Pegawai Penyelaras KADUN pada tahun 2016, alhamdulillah dianugerahkan darjah kebesaran ini.

"Walaupun darjah kebesaran ini bukanlah matlamat dalam perjuangan saya, namun ia adalah tanda penghargaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

"InsyaAllah, saya akan jadikan kurniaan ini sebagai satu motivasi untuk terus berkhidmat kepada rakyat dengan lebih cekal.

"Segalanya terserah kepada rakyat untuk menilai selayaknya dan itulah cabaran buat saya agar lebih komited dalam menggalas amanah yang diberikan," ujarnya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakyat di KADUN Bayan Lepas yang menyokong dan memberikan kerjasama kepada beliau sepanjang tempoh perkhidmatan.

Bagi Pemangku Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), **BADERUL AMIN ABDUL HAMID** menganggap bahawa penganugerahan tersebut memberinya fokus untuk terus menabur khidmat bakti kepada Kerajaan Negeri, MBSP dan rakyat di Seberang Perai.

"Saya telah berkhidmat dengan MBSP hampir 30 tahun, sama ada saya terima pingat atau tidak usaha akan diteruskan juga untuk meningkatkan prestasi dan membawa perubahan kepada negeri.

"InsyaAllah, pengiktirafan dalam bentuk pingat ini akan dizahirkan dengan usaha ke arah mencapai Visi dan Misi MBSP serta Visi Penang2030," responsnya yang juga menerima penganugerahan DJN ketika ditemui bersama-sama isteri, Nor Aishah Hashim sejurus penganugerahan di Dewan Sri Pinang baru-baru ini.

Seorang lagi penerima DJN yang sempat ditemu bual ialah mantan Setiausaha Bandaraya MBSP, **IR. ROSNANI MAHMOD**.

Beliau yang telah berkhidmat selama lebih 30 tahun untuk Seberang Perai memilih untuk bersara awal bagi memberi tumpuan kepada keluarga tercinta.

"Saya amat berterima kasih kepada Tun atas kurniaan darjah kebesaran ini, dan tidak dilupakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri serta Datuk Bandar (MBSP) yang mencalonkan nama saya dan keseluruhan pentadbiran Kerajaan Negeri.

"Alhamdulillah atas kurniaan ini, saya tidak pernah terfikir akan menerima penganugerahan DJN dan pelbagai lagi rahmat Allah SWT yang lain, syukur sangat," katanya.

Mudir Madrasah Al-Quran Wal Arabbiyah atau singkatannya MAWAR, **AHMAD FAHMI ABU BAKAR** yang juga merupakan Setiausaha Yayasan MAWAR Pulau Pinang turut dianugerahkan DJN.

"Alhamdulillah, saya rasa dihargai oleh Kerajaan Negeri dalam usaha yang telah dilaksanakan selama ini.

"Lebih 20 tahun saya berkecimpung dalam bidang institusi pendidikan agama di negeri ini dan rasa amat bertuah kerana dipilih untuk menerima anugerah yang sungguh bernilai ini.

"Jutaan terima kasih kepada pihak yang mencalonkan nama saya dan pastikan kepada Kerajaan Negeri serta tidak dilupakan Yang di-Pertua Negeri.

Bagi **BOON LEAU AROONRATANA**, Pengerusi Persatuan Siam Pulau Pinang, kurniaan DJN yang diterimanya didedikasikan kepada mendiang bapanya, Wan Dee Aroonratana, penerima Anugerah Penang Heritage Trust's Living Heritage Treasure 2007.

"Mendiang sentiasa menyokong saya untuk memberi khidmat kepada komuniti.

"Selain itu, mendiang juga mendorong saya untuk terus memulihara dan memelihara seni (Menora), budaya dan warisan Siam yang ada di Kampung Siam dekat Pulau Tikus," katanya yang sebak apabila mengenangkan perjuangan mendiang bapanya dalam memartabatkan komuniti Siam di Pulau Pinang.

Sementara itu, mantan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, **NORAISYAH ABU BAKAR** turut menzahirkan penghargaan kepada Yang di-Pertua Negeri dan Kerajaan Negeri atas kurniaan Pingat Kelakuan Terpuji (PKT).

"Banyak kenangan sepanjang saya berkhidmat dengan Jabatan Perikanan Negeri di sini dan saya dapat lihat kepentingan sektor ini kepada masyarakat," katanya yang kini berkhidmat sebagai Pengarah di Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Antara yang teruja menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) ialah **M. KAMEGESWARI**, Pembantu Tadbir di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP).

"Sangat 'happy'…terima kasih kepada bos yang memberi kepercayaan dan mencalonkan saya sebagai penerima pingat ini.

"Selain itu, saya pastinya rasa bangga kerana menerima anugerah daripada Kerajaan Negeri," katanya yang telah 15 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam.

Kamegeswari kini bertugas di Bahagian Pengurusan Majlis dan Protokol.



**TYT Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak (kanan) menganugerahkan Darjah Johan Negeri kepada Ir. Rosnani Mahmod sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-72 baru-baru ini.**


1

2

3

4

5

6

**1. AZRUL Mahathir Aziz dan isteri.**
**2. BADERUL Amin Abdul Hamid bersama-sama isteri, Nor Aishah Hashim.**
**3. AHMAD Fahmi Abu Bakar.**
**4 BOON Leau Aroonratana.**
**5. NORAISYAH Abu Bakar.**
**6. M. Kamegeswari.**

# Bangunkan bakat berkemahiran tinggi tempatan, penuhi permintaan industri semasa

**GEORGE TOWN** – Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) melalui hab teknologi dan inovasinya, Pusat Inovasi Teknologi NCER (NTIC) menjalinkan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pusat Penyelidikan Kolaboratif dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST) dalam pembangunan bakat tempatan yang berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri semasa di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) khasnya di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, NCIA dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan terus meningkatkan daya tarikan negeri ini dalam usaha 'menawan hati' para pelabur dalam sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) serta Pembuatan dan Kejuruteraan (M&E).

"Pulau Pinang akan terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju di rantau ini bagi teknologi canggih dan hab bakat serta teknologi yang bernilai tinggi.

"(Dan) dengan lebih 300 syarikat multinasional (MNC) bertapak di negeri ini, terdapat keperluan bagi meningkatkan lebih banyak tenaga kerja berkemahiran tinggi untuk menampung permintan industri.

"Pulau Pinang juga bernasib baik kerana mempunyai 'bekalan' graduan baharu yang boleh dimanfaatkan oleh industri di sini.

"(Tambahan pula), dengan kedudukan Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon Timur akan memperkukuhkan lagi kemahiran dan kualiti para graduan menerusi inisiatif yang diperkenalkan oleh NCIA," ujarnya sejurus menyaksikan pemeteraian Memorandum Kerjasama (MoC) antara NCIA dan USM yang diadakan secara maya pada 15 Oktober 2021.

Hadir sama, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar; Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Rakon; Ketua Pegawai Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John; Ketua Pegawai Eksekutif CREST, Jaffri Ibrahim dan Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi turut menzahirkan keyakinan bahawa industri pembuatan dan pasaran di Pulau Pinang berupaya untuk pulih daripada situasi semasa pasca pandemik COVID-19.

Mengulas lanjut, Jebasingam memaklumkan bahawa kolaborasi penggiat akademik dan pemain industri akan terus menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri berpendapatan tinggi serta berdaya maju.

"Program-program kolaboratif yang dirancang ini akan melihat pertambahan dalam kualiti bakat tempatan yang mana NCIA kini berada pada landasan yang betul untuk memenuhi sasaran 8,644 penciptaan pekerjaan diluluskan bagi tahun ini (2021)," katanya.

Susulan pemeteraian MoC ini, Program Kecemerlangan Profesional atau PreX *(Professional Excellence Program)* dilancarkan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan sebagai bakat berkemahiran sekali gus meningkatkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab teknologi serantau bertaraf global.

Dalam suatu kenyataan media dinyatakan bahawa Program PreX berkaitan dicipta untuk menyokong pertumbuhan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) selain mengukuhkan pembangunan ekosistem tenaga kerja berkemahiran tinggi tempatan.

Difahamkan, pemain industri seperti Sophic Automation Sdn. Bhd.; Elliance Sdn. Bhd. dan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. bakal mengambil bahagian dalam program tersebut yang dilihat sejajar dengan inisiatif Program Meister Teknologi Lanjutan (ATMP) di bawah NTIC.

Sementara itu, MoC antara NCIA dan CREST menyaksikan kerjasama dengan syarikat multinasional terkemuka dunia seperti Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd. dan Motorola Solutions (M) Sdn. Bhd. serta beberapa syarikat tempatan seperti Orionplex Sdn. Bhd.; Exiatec Technology Sdn. Bhd. dan Sensoft Technologies Sdn. Bhd..

Manakala, pihak USM akan menjadi institusi peningkatan kemahiran untuk mewujudkan bakat berkemahiran tinggi dalam bidang pembangunan perisian, *Internet of Things* (IoT) dan kecerdasan buatan (AI) demi menyokong permintaan pemain industri di Pulau Pinang dan dalam NCER.

Majlis yang diadakan secara maya itu turut menyaksikan pelancaran Program Bakat Perisian Kejuruteraan atau EnSofT yang bertujuan menangani jurang bakat dalam bidang kejuruteraan perisian berkaitan sistem terbenam, aplikasi android dan sistem operasi android terbenam.

Penyerahan Surat Anugerah (LOA) bagi Program Peningkatan Bakat NCER (NTEP @ NCER) kepada UST Global (M) Sdn. Bhd. turut diadakan dan disaksikan oleh Kon Yeow.

Turut diadakan penyerahan LOA Program JomKerja @NCER kepada TF AMD Microelectronics Sdn. Bhd. yang mana melalui program ini 840 pekerja tempatan baharu terdiri daripada 35 juruteknik dan 805 pakar pembuatan dalam pemasangan semikonduktor diambil bekerja.

Program NTEP @NCER dan JomKerja @ NCER adalah dua daripada pelbagai program modal insan yang berorientasikan manusia sebagai elemen strategik dalam Pelan Pembangunan Strategik NCER 2021 – 2025.

## Seberang Perai sebagai bandar raya terbaik

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



**KETUA Menteri bersama-sama Jagdeep Singh Deo (kiri sekali) dan Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) meneliti dokumentasi penerbitan pada Majlis Pelancaran Buku Pencapaian Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji usaha pentadbiran Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud menganjurkan pelbagai program demi menjadikan Seberang Perai sebagai Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar pertama negara.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata demikian semasa merasmikan Majlis Pelancaran Buku Pencapaian Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar dekat Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP di sini.

"Sebagai sebuah organisasi yang berpaksikan rakyat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menghargai peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh MBSP sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang sangat komited dalam menyediakan platform terbaik untuk mendekati dan memenuhi harapan, kehendak serta keperluan warga penduduk Seberang Perai.

"Diharapkan dengan adanya dokumentasi setebal 150 muka surat yang merekodkan pencapaian dan program-program dilaksanakan bagi mencapai Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar ini, ia akan lebih memudahkan segala perancangan dan bentuk tindakan kepada pembuat dasar, pelaksana serta masyarakat khususnya, dalam mengukur dan menilai setiap usaha dilaksanakan sama ada untuk penambahbaikan ataupun penghargaan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong dalam majlis berkaitan pada 24 Oktober 2021.

Segala pencapaian serta program yang telah dilaksanakan oleh MBSP itu, menurut Kon Yeow, sekali gus menyerlahkan Visi Penang2030 dengan tema 'Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara' adalah sebuah gagasan pembangunan masa depan negeri yang bersifat realistik dan praktikal.

Sebelum itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang juga ADUN Datuk Keramat turut memuji kejayaan pentadbiran Rozali menganjurkan 25 program di bawah Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar Seberang Perai yang secara nyata adalah inisiatif digital berimpak tinggi.

Sementara itu, Rozali semasa menyampaikan ucapan alu-aluan sekali lagi mengulangi komitmen pentadbirannya untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandar Raya Rendah Karbon menjelang tahun 2022; Bandar Raya Neutral Karbon pada tahun 2030 dan Bandar Raya Sifar Karbon pada 2050.

"Sebanyak 97,981 pokok berjaya ditanam berbanding sasaran pokok pada tahun 2022 (memandangkan) penanaman pokok bagi menyerap karbon dan menghasilkan oksigen.

"Di samping itu, kadar kitar semula Seberang Perai mencapai 55.9 peratus pada tahun 2020 adalah yang tertinggi di Malaysia berbanding 42.6 peratus pada tahun 2016 (di samping) penjanaan sisa pepejal telah berkurang iaitu 1.48 kilogram (kg) per kapita berbanding 1.6 kg per kapita pada tahun 2016.

"Perkhidmatan kaunter siber MBSP juga telah berjaya menyediakan 100 perkhidmatan (secara dalam talian) yang dilancarkan pada 16 Jun 2020, berbanding hanya 11 perkhidmatan yang disediakan pada tahun 2019.

"Sehingga saat ini, MBSP juga komited untuk bekerja bersama-sama bandar raya di seluruh dunia untuk menangani perubahan iklim dan mengehadkan pemanasan global pada tahap 1.5 darjah Celsius.

"Dengan semua komitmen yang direkodkan dalam kad laporan MBSP ini, kami merancang untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya terbaik di Malaysia dalam aspek pemuliharaan serta pemeliharaan alam sekitar," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana senantiasa menyokong perancangan pada peringkat PBT berkenaan.

# Pembiayaan penuh naik taraf Kompleks Sukan dan Rekreasi Jalan Betek

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PADANG LALANG** – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang meluluskan peruntukan kira-kira RM1.65 juta untuk kerja-kerja menaik taraf trek balapan di Kompleks Sukan dan Rekreasi dekat Jalan Betek di sini.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa pihaknya sejak tahun 2019 telahpun memohon peruntukan berkaitan daripada Kerajaan Persekutuan, namun tidak boleh menunggu lebih lama lagi kerana kemudahan sukan sedia ada mesti segera diperbaiki untuk digunakan pada sesi latihan sekalian atlet negeri.

"Paling penting adalah kemudahan sukan sedia ada mesti terus diselenggara, dan pada masa sama mesti membangunkan projek infrastruktur yang diperlukan untuk sukan serta belia bergantung kepada keperluan semasa di peringkat lokal.

"Jumlah RM1.65 juta ini 100 peratus daripada Kerajaan Negeri, 'kosong' daripada Kerajaan Persekutuan," ujarnya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan tapak projek penaiktarafan tersebut di sini pada 15 Oktober 2021.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pengarah Eksekutif Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang, Allahyarham Mohamed Akbar Mustapha; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua turut sertai sidang media tersebut.



**SOON Lip Chee (duduk) bersama-sama Chong Eng (berbaju merah), Allahyarham Mohamed Akbar Mustapha (tiga dari kiri) dan Harry Chai Heng Hua (dua dari kanan) menunjukkan kerosakan pada trek balapan yang perlu dinaik taraf di sini baru-baru ini.**

Menurut Lip Chee lagi, pihaknya pernah memohon peruntukan untuk projek-projek penarafan kemudahan sukan negeri daripada Syed Saddiq Abdul Rahman (bekas Menteri Belia dan Sukan) sempena penganjuran program Fit Malaysia Tahun 2019, namun tidak sempat diluluskan ekoran peralihan tampuk kepimpinan di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Selepas itu, Chong Eng menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri terutama pihak Lip Chee atas kelulusan projek penaiktarafan berkaitan di sini.

"Memang menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memperbanyak kemudahan untuk komuniti melazimi aktiviti bersukan.

"Di samping itu, dengan adanya fasiliti sukan yang lebih baik, akan memberi manfaat kepada MSNPP dan juga atlet negeri dalam menjalani latihan yang lebih baik sebelum saingan Sukan Malaysia (SUKMA)," jelasnya.

Buletin Mutiara difahamkan, proses pengiklanan panggilan tender bagi projek penaiktarafan tersebut diadakan pada 21 April lepas.

Sementara, kerja-kerja di lapangan yang bermula pada 11 Oktober 2021 akan mengambil masa 10 minggu serta dijangka siap pada 19 Disember 2021.

Kerja-kerja penaiktarafan yang akan dilakukan adalah melibatkan trek larian sintetik, sistem saliran serta peralatan bagi trek balapan dan padang untuk arena lari berhalangan, pit lompat jauh, lontar peluru, membaling tukul besi serta melempar cakera dan lompat bergalah.

"Kesemua kelengkapan ini mestilah mematuhi *Standard World Athletics Requirements*," ulas Lip Chee.

## *'First Aider' PgCare Alliance*, bantuan kesihatan mental peringkat KADUN

**GEORGE TOWN** - Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi impak yang amat besar terhadap kesihatan mental individu sehingga mengganggu kesejahteraan psikososial dan mental.

Apatah lagi apabila kes-kes yang melibatkan tingkah laku ekstrem seperti keinginan mencederakan atau bunuh diri kini menjadi polemik yang semakin membimbangkan.

Rentetan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil langkah proaktif dengan membentuk *PgCare Alliance* yang bertujuan memberi sokongan dan bantuan kepada golongan rentan yang terkesan dek pandemik COVID-19.

Terkini, melalui kerjasama dengan Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MMHA), penganjuran kursus pengurusan kesihatan mental secara dalam talian melibatkan wakil dari setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini telah diadakan.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh berkata, platform yang diwujudkan melalui inisiatif tersebut membolehkan wakil dari setiap KADUN berinteraksi secara terus dengan golongan terkesan dari segi kesihatan mental pada peringkat akar umbi.

"Wakil dari setiap KADUN yang kita panggil *'first aider'* akan bertindak seperti anggota barisan hadapan untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat.

"Mereka ini dilatih secara intensif selama dua hari dan saya yakin mereka kini lebih cakna dalam penjagaan kesihatan mental.

"Inisiatif ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri ambil peduli dan prihatin akan kesejahteraan rakyat di negeri ini," ujarnya pada Majlis Graduasi Latihan Kesihatan Mental 2021 secara dalam talian pada 27 Oktober 2021.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye dan ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung.

Tidak ketinggalan barisan ahli jawatankuasa *PgCare Alliance*, antaranya Dato' Seri Leslie Lee Kim Guan; Dr. Ngoo Seong Boon, Cefinny Teh Jin Pei dan Chong Soon Khong serta Presiden MMHA, Datuk Dr. Andrew Mohanraj Chandrasekaran.

Dalam pada itu, Boon Poh yang juga Pengerusi PgCare Alliance berharap inisiatif ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan wujudnya pasukan sukarelawan di peringkat KADUN untuk membantu rakyat.

## Ketengahkan isu pembiayaan pinjaman perumahan kumpulan B40

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SERI DELIMA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengesyorkan Kerajaan Persekutuan supaya mengetengahkan isu pembiayaan pinjaman perumahan khususnya dalam kalangan kumpulan B40.

Menurut beliau, sebahagian besar pembeli menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pinjaman bank setelah menerima tawaran pihak pemaju termasuk daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri.

"Berdasarkan sumber daripada laman sesawang *HousingWatch.my*, kelulusan pinjaman permohonan pinjaman bank telah berkurang sebanyak 1.1 peratus daripada 73.1 peratus bagi tahun 2019 berbanding 72 peratus pada bulan Disember 2020.

"Khusus bagi negeri Pulau Pinang pula, kelulusan permohonan pinjaman bank telah berkurang sebanyak 1.2 peratus daripada 74.3 peratus bagi tahun 2019 berbanding 73.1 peratus bagi bulan Disember 2020.

"Umumnya, pembeli-pembeli Rumah Mampu Milik (RMM) A dan RMM B ini juga wajar dibantu kerana kemampuan untuk mendapatkan rumah sebagai keperluan asas adalah agak terhad ekoran pengurangan pendapatan isi rumah impak daripada pandemik COVID-19 kepada sektor ekonomi khasnya," ucapnya pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Rumah Mampu Milik C3 bagi Projek Ideal Residency, Bukit Gelugor di sini 16 Oktober lalu.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Mengulas lanjut, Kon Yeow percaya bahawa kerjasama Kerajaan Negeri dan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan dapat diterjemahkan melalui pelbagai bentuk program, bantuan serta insentif yang seterusnya bakal dinikmati warga Pulau Pinang.

Melalui Projek RMM Ideal Residency (Fasa 1), sejumlah 1,218 unit RMM C3 dengan keluasan 850 kaki persegi sedang dibina.

Fasiliti mewah yang dicadangkan dalam pembangunan projek adalah seperti kolam renang, gelanggang badminton dan bola keranjang, jakuzi, taman rekreasi, kawasan permainan kanak-kanan, gimnasium, dewan komuniti dan lain-lain berkaitan.



PETER Tait (empat dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama Minister Counsellor Konsulat Jenderal Republik Indonesia (kanan sekali) dan pasukan wartawan Buletin Mutiara yang hadir baru-baru ini.

# Restoran Nona Bali saji cita rasa asli

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**





DEKORASI dalaman restoran yang unik.

**BAGI** penggemar makanan Indonesia khususnya cita rasa asli masyarakat Bali, anda boleh berkunjung ke Restoran Nona Bali (Nona Bali) yang terletak di 23, Lintang Burma dekat Pulau Tikus di sini.

Mula beroperasi di negeri Pulau Pinang kira-kira sembilan tahun lalu dekat Persiaran Karpal Singh, Nona Bali yang terkenal dengan hidangan cita rasa asli kemudiaannya berpindah ke Pulau Tikus sejak Ogos lalu.

Semasa beroperasi di Persiaran Karpal Singh selama beberapa tahun, restoran berkaitan telah berjaya menarik kehadiran ramai pelanggan walaupun kawasan tersebut sebenarnya agak sunyi.

Mungkin disebabkan hidangan cita rasa yang asli, membuatkannya mampu bertahan dalam cabaran semasa terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19 melanda negara ketika ini.



Pemiliknya, **PETER TAIT**, 57, ketika ditemui memberitahu bahawa Nona Bali sering dikunjungi oleh penduduk tempatan dan antarabangsa.

"Indonesia seperti rumah kedua bagi saya kerana negara Republik itu sangat luas dan di setiap lokasi mempunyai makanan dengan cita rasa yang tersendiri.

"Jika anda tertanya-tanya mengapa saya membawa masuk makanan Bali ke Pulau Pinang, jawapan saya adalah kerana masakan Bali menggunakan herba istimewa selain turut dipengaruhi oleh masakan Thailand," katanya yang merupakan warga Malaysia berdarah campuran Thailand-Eurasia.



**ANTARA hidangan istimewa yang boleh dinikmati.**

## Dekorasi unik

Ketika melangkah masuk ke Nona Bali, perkara pertama yang menarik perhatian adalah dekorasinya yang unik kerana dilengkapi dengan pelbagai jenis lukisan dan perhiasan didatangkan khas dari Indonesia.

Tait berkata, semua lukisan serta perabot yang digunakan di restoran milik beliau adalah ditempah khas dari Bali dan beberapa wilayah lain di Indonesia dengan menggunakan bahan berkualiti tinggi.

"Saya juga menjual beberapa lukisan kepada pelanggan sekiranya mereka ingin memilikinya, dan ini akan memberi ruang untuk saya menggantikannya dengan lukisan yang baharu.

"Saya tidak kisah berbelanja besar untuk menjadikan suasana restoran ini nampak lebih eksklusif kerana pada masa sama, saya mahu menunjukkan kepada masyarakat di sini bahawa Indonesia juga merupakan sebuah negara yang maju dan menarik.

"Saya berbangga untuk menyatakan bahawa Nona Bali telah melakukan banyak perkara istimewa sehingga kami diiktiraf oleh kerajaan Indonesia dan diberi sijil sebagai rakan jenama.

"Jadi, ini bermaksud bahawa kami adalah duta bagi bidang kulinari serta pelancongan," ujarnya yang dilahirkan di Ipoh tetapi dibesarkan di Pulau Pinang dan bersekolah di St. Xavier's Institution.

## Hidangan istimewa

Ditanya apakah hidangan istimewa yang ditawarkan di Nona Bali, Tait memberitahu bahawa semua jenis masakan yang terdapat dalam senarai menu mempunyai penggemarnya tersendiri.

Namun beliau memberitahu bahawa faktor penarik di Nona Bali adalah sambal terasi (sambal belacan) yang dimasak menggunakan bahan asli dari Indonesia sepenuhnya.

"Orang Indonesia misalnya, sangat menyukai makanan pedas manakala orang tempatan lebih gemar sesuatu yang manis.

*(Sambungan di muka 15).*



CHEOK Lay Leng.

# Pengiktirafan landasan tepat



PEMANDANGAN indah di *Curtis Crest, The Habitat.* (Sumber Gambar: The Habitat)

**TANGGAL** 15 September 2021, Pulau Pinang sekali lagi mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) apabila hutan simpan kekal bermula dari Bukit Bendera hingga ke Teluk Bahang termasuk taman laut di situ sebagai Rizab Biosfera.

Pengiktirafan tersebut adalah melalui program *Man and the Biosphere* (MAB) di bawah UNESCO, yang mana kelulusan diterima dalam *Man and the Biosphere Programme International Coordinating Council* (MAB-ICC) di Abuja, Nigeria.

Dianggarkan terdapat 2,456 spesies tumbuhan, kulat (131), artropod (300), vertebrata (157), amfibia (26), reptilia (87), burung (150), mamalia (30) dan marin (5) yang terdapat di kawasan tersebut.

Selain itu, terdapat 20 spesies flora dan fauna (550) di kawasan berkaitan yang telah disenaraikan sebagai terancam dalam *International Union for Conservation of Nature's Red List* (IUCN Red List) seperti penyu, ikan lumba-lumba, tenggiling, kongkang dan *Penang Island rock gecko*.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** dan **AMIR IRSYAD OMAR** sempat menemu ramah Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), **DATO' CHEOK LAY LENG** tentang pengiktirafan diperoleh tersebut.

Pertama sekali, Lay Leng berpendapat bahawa pengiktirafan tersebut mampu memberi kesan kepada peningkatan jumlah pelancong yang dijangka mengunjungi pusat peranginan tanah tinggi tersebut.

"Atas nama UNESCO dan pengiktirafan ini mampu meletakkan Bukit Bendera di mata dunia, tambahan pula Pulau Pinang turut menempa nama selaku bandar raya warisan (dunia) melalui George Town sebelum ini.

"Pengiktirafan sebagai Rizab Biosfera secara tidak langsung menjadikan kawasan yang diwartakan seluas 12,481 hektar ini berperanan mempromosikan pendidikan serta kajian mengenai flora dan fauna yang terdapat di sini.

"Selain itu, (dengan pengiktirafan terbaru oleh UNESCO) ia mampu meningkatkan sosioekonomi setempat apabila pengunjung hadir dari dalam dan luar negara," ujarnya membuka bicara.

Bagaimanapun, Lay Leng memberitahu bahawa dengan pengiktirafan serta status dicapai tersebut juga membawa satu tanggungjawab berat yang harus dipikul oleh semua pihak berkepentingan.



ALLEN Tan.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa semua pihak yang terlibat perlu berganding bahu dalam 'menyelenggara' serta menjaga status Rizab Biosfera agar ia kekal mampan untuk generasi akan datang.

"Seperti kita ketahui Bukit Bendera adalah pusat peranginan yang turut memerlukan pembangunan mampan agar ekosistem di sini tidak terjejas.

"Jadi, kawasan di sini dibahagi kepada tiga iaitu ekonomi, yang mana sebelah sini (kawasan pelancongan) harus dibangunkan dengan mampan agar ekosistem semula jadi tidak terganggu oleh pembangunan (yang dibuat).

"Kedua, adalah zon penampan yang membahagikan zon ekonomi dan kawasan rizab, contohnya di *The Habitat* dan Kopi Hutan.

"Dan, terpenting adalah kawasan hutan simpan itu sendiri bermula dari Bukit Bendera hingga ke Taman Negara Teluk Bahang meliputi Taman Botani, Empangan Air Itam, enam hutan simpan kekal hingga ke Pantai Acheh serta merangkumi zon marin di perairan Taman Negara sebagai kawasan yang mesti dipelihara," ujarnya sambil memaklumkan bahawa perkara tersebut adalah hasil perbincangan dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sebelum ini.

Di samping itu, Lay Leng berpendapat bahawa kawasan yang diiktiraf sebagai Rizab Biosfera UNESCO tersebut juga menjadi sumber oksigen terbesar bagi bahagian pulau negeri ini.

Di dalam kawasan rizab juga kata beliau, terdapatnya sumber-sumber air yang dialirkan ke empangan, maka hutan simpan kekal di lokasi tersebut perlu dijaga rapi memandangkan ia adalah kawasan tadahan utama bagi bahagian pulau negeri Pulau Pinang.

"Pengiktirafan tersebut juga menjadikan Bukit Bendera sebagai lokasi ketiga memperoleh pengiktirafan sedemikian di Malaysia selepas Tasik Chini di Pahang dan Banjaran Crocker di Sabah,'' ulasnya lanjut.

## Kereta kabel

Menurut Lay Leng, kereta kabel di Bukit Bendera bukan sahaja menjadi simbol tarikan pelancong ke Pulau Pinang, bahkan negara.

Sehubungan itu, beliau menyatakan bahawa projek pembinaan kereta kabel bernilai RM100 juta yang dibatalkan pada peringkat Kerajaan Persekutuan sebelum ini, akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri hari ini.

"Projek tersebut (kereta kabel) akan dijalankan secara perkongsian awam-swasta (PPP) sebagai pengangkutan baharu Bukit Bendera dalam masa akan datang; tambahan kepada kemudahan funikular sedia ada.

# Rizab Biosfera promosi ekopelancongan



KERETAPI funikular Bukit Bendera kini.









**KEPELBAGAIAN spesies fauna yang dapat ditemui di kawasan Rizab Biosfera Bukit Bendera.** ***(Sumber Gambar: The Habitat)***

"Seperti saya cakap sebelum ini, hanya pembangunan mampan boleh dijalankan di sini, jadi kereta kabel merupakan satu mod pengangkutan yang tidak banyak melibatkan kemusnahan alam semula jadi.

"Selain itu, kereta kabel juga adalah antara pengangkutan yang kurang jana karbon dan mengelakkan pencemaran alam sekitar dari segi bunyi, udara dan sebagainya.

"Terbaharu, makluman kertas cadangan atau *'Request For Proposal'* bagi projek ini juga dilanjutkan sehingga November bagi mendapatkan idea serta cadangan tentang pembangunan tarikan baharu itu," jelasnya yang turut menganggarkan kos projek adalah bernilai kira-kira RM150 juta.

Dalam manjayakan projek tersebut juga, Lay Leng yakin komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan semua syarat dan impak kepada alam sekitar akan dikaji serta dipenuhi.

"Sekiranya anda lihat perkembangan negara-negara maju, kereta kabel merupakan cabang pengangkutan yang digunakan, justeru, tiada sebab kita di sini untuk tidak menggunakan kaedah sama," ujarnya yang melihat Taman Botani sebagai cadangan kepada stesen bawah.

Maklum beliau lagi, menerusi 2,000 maklum balas awam yang dijalankan sebelum ini, turut mendapati 95 peratus responden mengalu-alukan kereta kabel sebagai pengangkutan baharu ke pusat peranginan sohor itu.

## Perancangan masa hadapan

Melihat Bukit Bendera yang kaya dengan nilai sejarah, Lay Leng menaruh harapan agar kawasan pelancongan tersebut bakal mempunyai galerinya tersendiri.

Menurut beliau, umumnya, galeri tersebut mampu berfungsi sebagai pameran kepada pengenalan sejarah awal Bukit Bendera sehingga ke arah pemodenan.

"Ini secara tidak langsung boleh menarik minat generasi muda terutamanya para pelajar untuk meminati bidang sains.

"Sama ada galeri di sini mengenai hidupan semula jadi atau kemajuan kejuruteraan funikular yang secara tidak langsung dipromosikan sebagai ilmu pengetahuan kepada semua.

"Pengetahuan yang ada mampu dikongsikan kepada orang ramai khususnya anak Pulau Pinang sebagai simbolik kepada ilmu dan anak jati negeri ini," ulasnya menutup bicara.

## Apa kata Pengarah Urusan The Habitat

Dalam perkembangan berkaitan, Buletin Mutiara juga berkesempatan menemu ramah Pengarah Urusan The Habitat, **ALLEN TAN** berhubung pengiktirafan diperoleh berkenaan.

Sebagai anak jati Pulau Pinang, berpeluang menjadi sebahagian daripada pasukan yang menjayakan pengiktirafan tersebut merupakan sesuatu yang membanggakan.

"Moto kami (The Habitat) adalah memelihara, mendidik dan menginspirasi. Dari situ, kami berhasrat memberi sumbangan ke arah pemuliharaan biodiversiti melalui penyelidikan, pendidikan serta pelancongan mampan, itulah misi kami.

"Pengiktirafan ini juga dilihat sebagai jalan untuk memperkembangkan lagi penjenamaan *The Habitat* di luar Pulau Pinang.

"Ia membuka satu peluang baharu kepada bidang ekopelancongan yang mampan dalam keadaan semasa dan untuk masa hadapan," jelas Allen yang percaya *The Habitat* berada pada landasan tepat dalam mempromosikan ekopelancongan dengan pengiktirafan sebagai Rizab Biosfera.

Allen dalam pada itu, turut melihat potensi negeri Pulau Pinang untuk menonjol sebagai bandar raya utama bukan sahaja di Malaysia bahkan di peringkat serantau dengan 'kekayaan' geografi, sejarah serta daya huni terbaik yang mampu ditawarkan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Aida Yusof Rawa<br>aidayusofrawa@gmail.com | (T) 019 - 338 2668 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| PBA (PUSAT PANGGILAN 24 JAM) | 04-255 8255 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

**TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!**

# Pertandingan Melukis Poster

bertemakan

## "My Ideal Green Penang"



**Hadiah Utama RM500**

Terma dan syarat:

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan, "*My Ideal Green Penang*" dan berserta dengan logo *Penang Green Council*.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah hak milik penganjur.
10. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 04-250 3322 / 04-650 5256.
11. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara,
    Pertandingan Melukis Poster,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Tarikh tutup : 31 Disember 2021**

Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................
No. Kad Pengenalan : ..............................
Alamat : ..............................
No. Telefon : (Rumah) .................. (Bimbit) ..................
Emel: ..............................

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.

**Penganjuran kolaborasi bersama Buletin Mutiara dan *Penang Green Council*.**

**penanglawancovid19**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Harryzan Yaakub | 019 - 456 8484 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Bee Hong | 019 - 458 8321 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Penyelia Bahagian Kewarganegaraan | 013 - 449 0366 |
| 2. | K. Velan | Barat Daya | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR<br>04 - 650 5556 | 018 - 394 4537 |
| 3. | Lim Zheng Han | Seberang Perai Utara | | 011 - 1244 7167 |
| 4. | K. Nirmala | Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 5. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 013 - 431 9384 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Kim Noor | 04 - 229 8382 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NASRUL AMIR YAHAYA



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com


*Layari*

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12173
Peminjam : MOHAMAD AKMAL BIN SAMSUDIN - 95071307****
291 MUKIM I , KAMPUNG PERLIS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NURLIANA BINTI SAMSUDIN - 84081507****
NO.291 MUKIM 1, KAMPUNG PERLIS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NUR IRMA BINTI SAMSUDIN - 88103107****
NO.291 MUKIM 1, KAMPUNG PERLIS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 12174
Peminjam : CHEW YUE XIANG - 90100907****
A1-20-13 HALAMAN KRISTAL, LENGKOK FREE SCHOOL 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHEW KAR KOON - 61102907****
A1-20-13 HALAMAN KRISTAL, LENGKOK FREE SCHOOL 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHEAH HOON HONG - 64032807****
82-7-9 TAMAN MEDAN PENAGA, BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 12182
Peminjam : NURFARAHIN BINTI ROSLI - 92022107****
NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA
Penjamin 1 : ROSLI BIN HARUN - 61060610****
NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : NUR SYAZWANI BINTI ROSLI - 85122114****
NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 12185
Peminjam : NOORSHILA BINTI SHUIB - 83031802****
D-G-1 PANGSAPURI JABATAN KESIHATAN NEGERI, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SYED MOHAMAD KHAIRI BIN HALIM - 80030408****
D-G-1 PANGSAPURI JABATAN KESIHATAN NEGERI, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOR SHAFIZA BINTI SHUIB - 87071035****
2-5-6 TAMAN MUTIARA VISTA, JALAN BAKAU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 12188
Peminjam : NUR ASFARINA BINTI HUSNY - 85092807****
22-9-21 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : HUSNY BIN AHMAD SUHAIMY - 60062701****
22-9-21 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD FIRDAUS BIN ABDUL HALIM - 85051807****
32-26-10 THE PULSE, LORONG KAKI BUKIT, TAMAN BUAH PALA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 12191
Peminjam : MOHD SUHAIMI BIN ABDUL RAHAMAN - 75092307****
PMT 16 LORONG ALAMANDA 7, TAMAN ALAMANDA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : ABD RAHMAN BIN BAKAR - 77012902****
NO.3 LORONG BENTARA 8, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD ROSLI BIN HUSSAIN - 77010907****
NO.1482 MUKIM 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12210
Peminjam : YUSNI BINTI ALI - 73060707****
NO.1486 LORONG SATU, KAMPUNG JAWI 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : AZAHARI BIN MAHMUDDIN - 69061913****
NO.1486 LORONG SATU, KAMPUNG JAWI 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 2 : NURSHUHADA BINTI ZULKIPLY - 86090435****
NO.151 JALAN SUNGAI DURI, TAMAN SERULING EMAS 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 12215
Peminjam : ALIYA AFNAN BINTI MOHD NASIR - 91051707****
NO.1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN ISHAK - 60061202****
NO.1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ZAMZURI BIN DAUD - 73050407****
T/S 10389 PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12219
Peminjam : SITI NURBAITI BINTI ABDUL LATIF - 89041407****
NO. 8 JALAN CEMPAKA 21, TAMAN CEMPAKA FASA 2, SENAWANG 70450 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : SITI NURBAYA BINTI ABDUL LATIF - 83101305****
NO.249 LORONG 5/3, TAMAN ANGGERIK HEIGHTS 28700 BENTONG, PAHANG
Penjamin 2 : MOHD SHAHRIL BIN NAJMUDDIN - 82062706****
NO.249 LORONG 5/3, TAMAN ANGGERIK HEIGHTS 28700 BENTONG, PAHANG

No Akaun : 12224
Peminjam : SITI NURIZZATI BINTI ABDUL RAHMAN - 95101707****
NO.1383 MUKIM 11 , SUNGAI BATU 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL RAHMAN BIN AHMAD - 69101107****
1383 MUKIM 11, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABU BAKAR BIN AHMAD - 72041707****
1383 MUKIM 11, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 12229
Peminjam : FATIN FARHANA BINTI ZIHNI AKHTAR - 94112407****
NO.20 LORONG TANJUNG 5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : ZIHNI AKHTAR BIN IKHSAN - 70071401****
NO.20 LORONG TANJUNG 5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : GHANI BIN MUSTAFA - 73061402****
BLOK E-2-4 JALAN PAUH 1, PANGSAPURI PAUH DAMAI 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 12230
Peminjam : FAZLEEN BINTI MD ALI - 88091807****
BELAKANG 21-A, JALAN PADANG TEMBAK 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD FADZIL BIN MD ALI - 79122207****
NO.380 KAMPUNG BARU, JALAN AIR ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : FAIZATON BINTI MD ALI - 74101307****
NO.380 KAMPUNG BARU, JALAN AIR ITAM 11400 PULAU PINANG

No Akaun : 12233
Peminjam : LIYANA BEGAM BINTI ZAINUL ABIDIN - 95110707****
27, LINTANG NIBONG, BAYAN BARU 11950 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NURLIZA BINTI ZAINUL ABIDIN - 87012107****
BLOCK 163B-15-07 CENTRIO EVENUE, JALAN PERMAI, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD HANIF BIN KASSIM FAROUK - 86091614****
BLOCK 163B-15-07 CENTRIO EVENUE, JALAN PERMAI, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 12234
Peminjam : TAN YI CHAO - 97031007****
NO.42 MEDAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : CHIN SIEW SIANG - 63081007****
NO.42 MEDAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 2 : TAN POH GAIK - 66031507****
NO.96 JALAN BUKIT MINYAK 2, TAMAN BUKIT MINYAK INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM

---

PENANG GREEN COUNCIL

PENANG 2030

# Pertandingan Melukis Poster



**Hadiah Utama RM500**

## bertemakan "My Ideal Green Penang"

**Tarikh tutup : 31 Disember 2021**

### Terma dan syarat:

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan, *"My Ideal Green Penang"* dan berserta dengan logo *Penang Green Council*.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah hak milik penganjur.
10. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 04-250 3322 / 04-650 5256.
11. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara,
    Pertandingan Melukis Poster,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................

No. Kad Pengenalan : ..............................

Alamat : ..............................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) ....................

Emel: ..............................

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.

**Penganjuran kolaborasi bersama Buletin Mutiara dan *Penang Green Council*.**

# Lebih banyak RMM bantu rakyat miliki kediaman sendiri

**SUNGAI DUA** – Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyarankan agar pemaju-pemaju perumahan membina lebih banyak rumah mampu milik (RMM) untuk membantu penduduk di negeri ini memiliki kediaman sendiri.

Tambahan pula, kata beliau, penularan pandemik COVID-19 yang melanda negara termasuk negeri Pulau Pinang sejak awal tahun lepas telah menyebabkan banyak sektor ekonomi terkesan teruk termasuk juga (sektor) hartanah.

"Dalam situasi ekonomi yang sangat mencabar ketika ini, adalah lebih praktikal dan paling baik untuk pemaju perumahan memberi tumpuan kepada pembinaan rumah mampu milik (RMM) berbanding skim perumahan mewah.

"Pemaju boleh memilih untuk membina rumah mewah berharga jutaan ringgit tetapi untuk menjualnya bukan sesuatu yang mudah, jadi pembinaan rumah mampu milik (RMM) merupakan pilihan terbaik ketika ini," katanya semasa berucap pada majlis penyerahan surat tawaran kepada pembeli RMM Sena Mas yang layak dekat sini 1 Oktober lalu.

Hadir sama, Arkitek Jabatan Bangunan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Nurhazwani Mohd. Ramlee; Ketua Penolong Daerah bagi Daerah Seberang Perai Utara, Wan Saiful Ikmal; Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), 'Ainul Fadhilah Samsudi; Ketua Pegawai Bisnes LPNPP, Fakhurrazi Ibnu Omar serta Pengarah PTL Properties Sdn. Bhd., Jason Teh.

Pada masa sama, Jagdeep juga mengalu-alukan lebih banyak pihak pemaju perumahan untuk tampil menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha mencapai sasaran 220,000 unit RMM dibina di Pulau Pinang.

"Pihak Kerajaan Negeri, kita telah membuat pemilihan dengan sangat teliti supaya hanya mereka yang benar-benar layak sahaja dipilih sebagai pembeli rumah mampu milik (RMM) di negeri ini, dan setakat ini, hampir 60,000 orang telahpun terpilih," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima peruntukan berjumlah RM17.5 juta daripada Kerajaan Pusat bagi tujuan penyelenggaraan skim-skim perumahan awam dan swasta yang layak di negeri ini.

"Saya gembira menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai hubungan baik dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baharu, dan beliau telah memberi komitmen untuk membina beberapa projek perumahan rakyat (PPR) di Pulau Pinang.

"Walau bagaimanapun, permintaan kita adalah sebanyak lima (projek PPR), dan saya akan susuli dengan pihak berkaitan," ulasnya.

# Owen Teo 'ayam tambatan' Bukit Tambun FC, beraksi di Croatia

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **KEVIN VIMAL**

**OWEN TEO** atau nama sebenarnya **TEO WEI KERN**, 19, merupakan bintang bola sepak negeri Pulau Pinang.

Sehari selepas menamatkan kontrak dengan Penang FC pada hujung bulan September lepas, beliau terus 'dipinang' oleh Bukit Tambun FC.

Pada 1 Oktober lepas, bakat baharu negeri berkenaan menandatangani perjanjian dengan Bukit Tambun FC untuk tempoh tiga tahun sebelum diterbangkan sebagai pemain import ke sebuah kelab bola sepak antarabangsa di negara Croatia yang dikenali sebagai NK Precko.

Majlis memeterai perjanjian berkaitan antara Owen Teo dengan pihak Bukit Tambun FC disaksikan sendiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik yang juga 'ADUN Angkat' bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh.

Bercakap kepada Buletin Mutiara semasa itu, Choon Aik memuji inisiatif yang dimainkan oleh pihak Bukit Tambun FC dalam mendapatkan 'ayam tambatan' tersebut serta mengatur peminjaman pemain kelab itu ke NK Prenko, Croatia.

Malah, menurut beliau, keberanian Owen Teo mencabar diri sendiri untuk bermain di arena antarabangsa juga menjadi kebanggaan bagi sekalian rakyat Malaysia terutama di negeri Pulau Pinang hatta pihak pengurusan Bukit Tambun FC.

"Beliau (Owen Teo) merupakan bakat yang besar dan hebat.

"Walaupun beliau pernah beraksi dalam kelab tempatan di England semasa melanjutkan pengajian di sana iaitu sebelum pulang ke tanah air, dengan pengalaman serta berada dalam kedudukan tersendiri, beliau bersedia menyahut cabaran baharu dalam karier sebagai pemain bola sepak pada usia muda.



**GOH Choon Aik (berdiri, dua dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama Owen Teo (berkemeja merah) dan jawatankuasa Bukit Tambun FC seusai memeterai perjanjian yang dijalankan di sini baru-baru ini.**

"Selepas memeterai perjanjian sebagai pemain sulung dengan Bukit Tambun FC pada 1 Oktober 2021, pada keesokannya (2 Oktober 2021), Owen Teo akan diterbangkan ke negara Croatia bagi mengembangkan bakat serta pengalamannya dengan kelab antarabangsa di sana.

"Mewakili Bukit Tambun FC, saya juga ingin merakamkan ucapan selamat maju jaya kepada ayam tambatan kelab kami di sana nanti," jelasnya dalam suatu sidang media di perkarangan astaka berhampiran taman perumahan Pangsapuri Suria 1 dekat Parlimen Batu Kawan.

Mengulas lanjut, Choon Aik menganggap peminjaman pemain berkenaan kepada NK Prenko, Croatia untuk kontrak selama setahun merupakan kebanggaan buat peminat bola sepak negara di Pulau Pinang.

"Bukan mudah untuk diiktiraf sebagai berbakat serta mewakili negara Malaysia ke persada antarabangsa," ujarnya sambil memuji kesederhanaan Owen Teo yang memeterai perjanjian selama tiga tahun sebagai pemain Bukit Tambun FC.

Difahamkan, Owen Teo memulakan kariernya sebagai pemain bola sepak secara serius pada tahun 2014, iaitu ketika beraksi bersama-sama Pasukan Bawah 12 Tahun di bawah Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

Selepas itu, dalam tempoh tahun 2015 hingga 2019, Owen Teo melanjutkan pelajaran di England serta turut beraksi dalam beberapa kelab tempatan di sana.

Di sana, beliau berpeluang menimba pengalaman berharga dalam aksi saingan bersama-sama pemain bola sepak profesional pada peringkat antarabangsa.

Akibat pandemik COVID-19, Owen Teo kembali ke tanah air dan menyertai Pasukan Bawah 19 Tahun Penang FC.

Dalam perkembangan berkaitan, Choon Aik sebelum itu turut menzahirkan harapan buat Bukit Tambun FC yang dianggap sebagai pendatang baharu dalam arena bola sepak tempatan di negeri ini.

Kata beliau, selain kejayaan mengikat kontrak dengan Owen Teo, kelab bola sepak berkenaan juga seharusnya bergiat ke peringkat akar umbi di seluruh negeri ini bagi 'memburu' bakat lain untuk digilap buat industri bola sepak tempatan.

"Terpulang kepada jurulatih, kakitangan teknikal pasukan serta beberapa individu dalam Bukit Tambun FC ini untuk saling bekerjasama secara lebih erat lagi dengan pihak sekolah rendah dan menengah sekitar KADUN Bukit Tambun dan Parlimen Batu Kawan bagi merekrut pemain-pemain baharu.

"Setakat ini, kita (Bukit Tambun FC) telah melakukan beberapa kerjasama strategik seperti menghubungi 'sekolah sukan' Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara Impian, juga SMK Simpang Empat untuk mengesan sama ada di kedua-dua sekolah tersebut ada 'bintang kecil' yang boleh beraksi dengan kelab kita (Bukit Tambun FC).

"Kita (Bukit Tambun FC) akan cuba membentuk pasukan yang terdiri daripada 25 pemain berbakat dan akan cuba melatih mereka dengan bantuan jurulatih serta kakitangan teknikal secara profesional," ulasnya.

Owen Teo yang ditemui kemudian memberitahu Buletin Mutiara bahawa beliau begitu gembira selepas 'dipinang' oleh Bukit Tambun FC serta tidak sabar untuk mengembangkan bakat bersama-sama NK Precko, Croatia.

"(Beraksi dalam kelab bola sepak peringkat antarabangsa) ini adalah peluang yang baik untuk saya membuktikan apa yang saya boleh lakukan di atas padang," jelasnya sambil berharap dirinya bakal mengharumkan nama Malaysia, Pulau Pinang dan Bukit Tambun FC dalam tempoh setahun mendatang di negara Croatia.

Owen Teo, merupakan pemain tengah, mungkin akan diposisikan semula sebagai pertahanan kanan dalam pasukan baharu tersebut.

Bercerita lanjut, Owen Teo menyatakan bahawa beliau sangat meminati 'bintang' Jordi Alba yang berwarganegara Sepanyol dan bermain untuk pasukan terkenal Barcelona.

"Saya selalu mengagumi Alba, beliau, bagi saya merupakan salah seorang pemain pertahanan terbaik dunia," ulasnya mengakhiri perbualan.

Syabas dan selamat maju jaya!

# Penggunaan solar, MBSP nikmati penjimatan hampir RM50,000 setahun

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SEBERANG JAYA** – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bersama-sama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan anak syarikatnya, GSPARX Sdn. Bhd. (GSPARX) telah melaksanakan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) melalui pemasangan sistem solar secara Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baru atau *Supply Agreement of Renewable Energy* (SARE).

Menurut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, pemasangan tersebut melibatkan tiga bangunan milik MBSP iaitu Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan dan Rekreasi Jalan Betek dan Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek.

"MBSP telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) SARE bersama-sama pihak TNB dan GSPARX dua tahun yang lalu.

"Melalui program SARE bersama-sama kedua-dua pihak ini, MBSP tidak mengeluarkan sebarang kos awalan *(zero capex)* untuk pemasangan sistem solar di bangunan yang telah dipilih.

"Tenaga solar yang dijana akan menggantikan tenaga konvensional yang mana MBSP dapat menikmati penjimatan bil hampir RM50,000 setahun," ujarnya pada Majlis Perasmian Pemasangan Panel Solar Fotovoltaik (PV) Melalui Program SARE Antara MBSP, TNB dan GSPARX dekat Pejabat Cawangan MBSP di sini 27 September lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pemangku Setiausaha Bandaraya bagi MBSP, Baderul Amin Abdul Hamid dan Ahli-ahli Majlis bagi MBSP.

Difahamkan, sejajar dengan usaha tersebut, Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) ketika ini sedang mengkaji inisiatif solar berkaitan untuk diperluaskan membabitkan semua jabatan kerajaan sebagai usaha merealisasikan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara iaitu di bawah tema D3 iaitu Mengintegrasikan Perkhidmatan Perbandaran Dengan Teknologi Pintar.

Dalam pada itu, Rozali memaklumkan bahawa selain daripada pemasangan panel solar di Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek, pihak GSPARX juga telah membuat penggantian bumbung baru bagi menampung pemasangan sebanyak 300 unit panel solar, dan ianya juga tanpa sebarang kos awalan ditanggung oleh pihak MBSP.

"Tenaga solar ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pembiayaan elektrik bagi ketiga-tiga bangunan tersebut iaitu Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek, anggaran penjimatan tahunan ialah sebanyak RM15,400; Kompleks Sukan dan Rekreasi Jalan Betek (RM10,636) dan Kompleks Sukan Bertam (RM16,473).

"MBSP dalam pada itu, turut memasang panel solar di bumbung tempat letak motosikal pekerja di Ibu Pejabat MBSP di Bandar Perda dan dalam perancangan adalah tempat letak kereta (bangunan sama),'' ulasnya.

Difahamkan, pemasangan tersebut mampu menambahkan lagi penjimatan sehingga RM26,829.63 setahun bagi tempoh selama 25 tahun.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

*(Sambungan dari muka 7).*

# Sambal terasi rahsia masakan

"Semasa memasak, bahan paling penting untuk dimasukkan adalah sambal terasi saya kerana kebanyakan pelanggan yang datang sering memuji keenakan rasa sambal yang pedas dan menggunakan resipi asli dari Indonesia.

"Malah, kami memberi perhatian terhadap aspek kebersihan terutamanya di bahagian dapur selain menghidangkan makanan yang sihat dan tidak mengandungi MSG *(monosodium glutamate)*," jelasnya lanjut.



**I Made Sudiarta merupakan chef yang berpengalaman.**

Menurut Tait, ekoran permintaan tinggi terhadap sambal terasi yang dihasilkan sendiri di Nona Bali, beliau akhirnya membuat keputusan untuk membotolkan sambal tersebut dan menjualnya pada harga RM20 bagi setiap 200 gram (gm).

Selain sambal terasi, Nona Bali juga terkenal dengan Sate Lilit Ikan (ikan dibalut serai), Sate Be Siap (sate ayam Bali), Bebek Goreng (itik goreng beraroma), Nasi Ayam Penyet, Rendang Daging dan Iga Bakar (daging tulang rusuk panggang berperisa manis serta pedas).

Terdapat juga beberapa jenis pencuci mulut yang lazat seperti Kukus Injin (pulut hitam kukus dihidangkan bersama kelapa parut, santan masin dan gula melaka) selain minuman Jamu Kunyit.

Mengulas lanjut, Tait memberitahu bahawa Nona Bali juga memperkenalkan menu istimewa untuk meraikan majlis yang istimewa seperti Hari Kemerdekaan Indonesia ke-76 pada 17 Ogos; Hari Kemerdekaan Malaysia ke-64 pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September.

"Menu istimewa ini perlu ditempah terlebih dahulu dan hanya terhad kepada 100 set hidangan sahaja bagi setiap majlis.

"(Dan) untuk perayaan tertentu, Nona Bali turut menyediakan Nasi Tumpeng Kuning iaitu sejenis nasi Indonesia berbentuk kon yang dimasak dengan susu dan kunyit serta dikelilingi dengan pelbagai jenis lauk serta sayur-sayuran," ujarnya.

Difahamkan, tukang masak di Restoran Nona Bali, I Made Sudiarta merupakan seorang chef yang berpengalaman dan didatangkan khas dari Bali, Indonesia.

Bercakap mengenai perancangan masa depan, Tait memberitahu bahawa beliau mempunyai impian lain selain mengusahakan restoran makanan Bali.

"Saya ingin menjalankan perniagaan rumah inap desa, dan saya berharap agar pandemik COVID-19 tidak akan menghalang impian saya ini," ulasnya.




**SAMBAL terasi yang popular.**

Restoran Nona Bali beroperasi setiap hari bermula jam 11 pagi hingga 7.30 malam kecuali Rabu. Bagi yang berminat untuk merasa hidangan asli dari Bali ini boleh hubungi talian 04-228 1630.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 3/2021

BULETIN MUTIARA

PENANG GREEN COUNCIL

# MY GREEN HOME



Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................

Alamat: ..............................

..............................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................

No. Telefon : (Rumah) .................. (Bimbit) : ..................

Emel: ..............................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2021
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 04-250 3322 / 04-650 5375.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Penganjuran kolaborasi bersama Buletin Mutiara dan *Penang Green Council.*

## Hadiah:

**Pertama: RM350**
**Kedua: RM250**
**Ketiga: RM150**
**5 Hadiah Saguhati**